

m/s 10

SAHAS 3 BERANAK TERKORBAN

'BACA FATIHAH BILA RINDU'

foto: ABDULLAH YUSOF



KEADAAN Pajero dinaiki tiga beranak yang maut dalam kemalangan jalan raya di Lebuhraya DUKE, manakala gambar kanan, Perodua Myvi yang turut terbabit dalam kemalangan itu.

Meh Kalidevi Mogan
Kumarappa, Suraya Roslan,
Hardy Bunga dan Nur Lela
Tulkipfi
m@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Arwah mama ada ajar surah al-Fatihah. Saya takkan baca surah itu bila rindu. Rindu mama dan papa. Amira juga akan ajar adik surah itu. Nanti boleh selekahkan mama dan papa.”
Itu kata-kata menyentuh perasaan daripada Nur Fizura Amira, 7, yang kehilangan ayah, ibu dan adik bongsunya berusia enam bulan akibat kemalangan di Kilometer 6.3, Lebuhraya Damansara Ulu Klang (DU-



NORMAH bersama Amira ketika ditemui di Taman Batu Muda, Batu

KE), awal pagi Sabtu lalu.

Kematian Fairuz Nizam Husain, 35, isterinya, Nova Safitri Azhari, 27, dan bayi mereka, Nur Firuza Annisa, enam bulan, menarik perhatian ramai dan hangat diperkatakan di media sosial.

Ini berikutan tiga beranak itu yang menaiki Pajero Sport ketika kejadian, dikatakan menjadi mangsa kepada aktiviti lumba haram membabitkan beberapa kereta Perodua Myvi.

Nur Fizura Amira atau lebih mesra disapa Amira dan adiknya berusia empat tahun Nur Firuza Aqila atau Aqila, tidak mengikut ibu dan ayah mereka ketika kejadian dan berada di rumah nenek mereka di Putrajaya.

Amira berkata, beberapa hari lalu arwah ayahnya memberitahu bercadang untuk membawa mereka sekeluarga ke England untuk menyaksikan perlawanan bola sepak pasukan Manchester United.

“Amira harap, semua orang tolong doakan supaya arwah mama, papa dan adik masuk syurga,” katanya ketika ditemui di Taman Batu Muda di sini, semalam.

Adiknya, Aqila pula berkata biarpun sedih tapi kini dia tidak mahu menangis lagi kerana tidak mahu ayah saudaranya, Faiznurr Asyraf (adik Fairuz Nizam) yang dipanggilnya Papa Chu, bersedih.

“Aqila tak nak menangis lagi sebab Papa Chu sedih. Aqila memang sedih sebab dah tak ada mama, papa dan adik, tapi PapaChu dah janji nak jaga kami berdua,” katanya.

Sementara itu, Faiznurr Asyraf yang bakal berangkat pada Oktober ini berkata, dia reda dengan kematian abang, kakak ipar dan anak saudaranya serta sanggup menjadi bapa kepada dua anak Allahyarham.

“Saya dan tunang sudah mula membiasakan gelaran papa dan mama kepada dua

anak buah kesayangan saya itu,” katanya.

Bagaimanapun, Faiznurr Asyraf menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kereta Myvi yang terbabit dalam kemalangan itu.

“Saya difahamkan mereka ahli persatuan Familia Myvi Club (FMC). Bagi saya mereka perlu bertanggungja-

wab menanggung perbelanjaan dua anak saudara saya sehingga dewasa.

“Saya juga harap polis mengambil tindakan sewajarnya dan membawa individu yang bersalah ke muka pengadilan,” katanya.

Ibunya, Normah Toso, 65, pula berkata naluri ibunya terasa bagai disentak apabila kehilangan tiga ahli keluarga serentak dalam keadaan

menyayat hati.

“Mak cik tidak akan dapat lupakan peristiwa ini sampai bila-bila apatah lagi ingin memaafkan mereka yang menjadi punca kepada kemalangan ini.

“Kami sekeluarga sepakat untuk membesarkan dan memberi kasih sayang sepenuhnya kepada dua cucu mak cik yang kini anak yatim piatu,” katanya.



“Bagi saya mereka perlu bertanggungjawab menanggung perbelanjaan dua anak saudara saya sehingga dewasa.”

Faiznurr Asyraf

FAIZNURR Asyraf bersama anak buah kesayangannya.

Myvi dipandu laju punca tiga beranak terbunuh

Kuala Lumpur: "Keadaan ketika itu amat menyayat hati. Saya dapat mendengar mangsa wanita mengerang kesakitan," kata Muhammad Zaki Abdullah, 18, saksi utama kejadian kemalangan meragut nyawa tiga beranak termasuk bayi perempuan berusia tujuh bulan di Kilometer 6.3 Lebuhraya DUKE, kelmarin.

Dalam kejadian jam 1.05 pagi itu, Fairuz Nizam Husain, 35, disahkan terbunuh di tempat kejadian manakala isterinya, Nova Safitri Azhari, 27, dan anak mereka yang berusia tujuh bulan Nur Firuza Annisa meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Muhammad Zaki berkata, dia yang sedang memandu dari Setiawangsa menghala ke arah...

Katanya, dia bagaimana-pun terkejut apabila ada saksi memberitahu menemui jasad seorang bayi perempuan berdekatan kenderaan mangsa yang terbalik.

"Pada mulanya kami sangkakan bayi itu adalah anak patung. Sebaik diamati memang sah ia adalah bayi.

"Keadaan ketika itu sungguh menyayat hati, paling menyedihkan apabila keluarga mangsa datang ke lokasi kejadian dan sempat memarahi pemandu kereta Perodua Myvi itu," katanya.

Menurutnya, dia bersetia bertanggungjawab untuk tampil sebagai saksi selepas tidak sanggup melihat keadaan menyayat hati tiga beranak itu.



AMIRA (kanan) bersama Aqila.

ke susur keluar Gombak melihat beberapa kereta model Perodua Myvi dipandu dalam keadaan laju.

"Kebetulan saya berada di lorong tengah dan jarak saya dengan kenderaan mangsa hanya 10 saat di belakang. Tiba-tiba saya terdengar dentuman kuat sebelum kenderaan model Pajero berpusing beberapa kali.

"Kemudian saya memberhentikan kenderaan dan beberapa orang awam cuba membantu semua mangsa yang tercampak keluar, bagaimanapun mangsa lelaki (Fairuz Nizam) disahkan meninggal dunia di tempat kejadian manakala isterinya dilihat nazak dan mengerang kesakitan," katanya kepada Harian Metro.

"Saya rasa ada lagi saksi yang melihat kejadian itu lebih dekat, mohon mereka tampil demi memberi keadilan kepada keluarga mangsa," katanya.

Tragedi menyayat hati di DUKE

1 Sebuah Myvi dipandu laju dari arah Hulu Klang

2 Kereta kemudian bergesel dengan sebuah Pajero yang dinaiki tiga beranak termasuk bayi enam bulan

3 Pajero terbabit terbabas ke lorong kiri sebelum dirempuh pula sebuah Myvi lain

4 Rempuhan mengakibatkan kereta mangsa berpusing empat kali menyebabkan ketiga-tiga mangsa tercampak keluar dan maut

